



Perpustakaan Hamzah Sendut

Universiti Sains Malaysia

Majlis Penyerahan

Koleksi Naib Canselor Tun Hamdan Sheikh Tahir

مجلس فيراهن

كوليکسي نائب چنسلور تون حمدان شيخ طاهر

Rabu, 20 Disember 2006 / ٢٩ ذو القعدة ١٤٢٧ هـ

9.00 pagi

Balai Pesiban Agung

Pusat Pengajian Seni

Universiti Sains Malaysia

Nota

Sekalung Penghargaan

Yang Amat Berbahagia Toh Puan dan keluarga

Muzium dan Galeri

Pusat Pengajian Seni

Pusat Teknologi Pendidikan dan Multimedia

Pejabat Perhubungan Awam

Jabatan Keselamatan

Jabatan Pembangunan

Pusat Kajian Antarabangsa

Pusat Islam

dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung



Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir

Biografi Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir

Tahun	Peristiwa
27 April 1921	Tun Hamdan dilahirkan di Kampung Jawa Baharu, Pulau Pinang
1931-1938	Tun memulakan pembelajarannya di Madrasah Haji Taib, Parit Jamil, Muar Johor, Tanglin Kecil Sekolah Melayu di Singapura dan Sekolah Kebangsaan Sultan Idris 2, Kuala Kangsar, Perak
1939	Tun menyambung pendidikannya di Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar, Perak daripada 'Special Malay Class 1' sehingga 'Senior Cambridge'
Feb. 1944	Telah mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Raffles College, Singapura sehingga meletus Perang Dunia Kedua
1947-1948	Telah dilantik sebagai Guru di Japanese Teachers Institute, Perak
1952-1954	Telah bertugas sebagai guru Geografi dan Sejarah di Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar, Perak
Sept 1956	Guru besar (Pengetua) di Sekolah Iskandar Shah, Parit, Perak. Tun telah berkahwin dengan Zainab Bt. Hj. Baharuddin
1957-1960	Telah dilantik sebagai Guru Besar di Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak
1960-1963	Telah dilantik sebagai Pengelola Kanan, Bahagian Sekolah-Sekolah Menengah
1962-1963	Telah dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha (Biasiswa dan Latihan), Kementerian Pelajaran.
1963-1966	Telah dilantik sebagai Ketua Pengawal Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan, di Kementerian Pelajaran
1964	Telah dianugerahkan Bintang Kejujangan Pengakap
1965	Telah dianugerahkan Pingat Kesasteria Mangku Negara (K.M.N.)
1966-1969	Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia
Julai 1966- April 1976	Dilantik sebagai Ketua Penasihat Pelajaran dan Pengarah Pelajaran Malaysia
Julai 1966- April 1975	Ahli Lembaga Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka
1973	Telah menerbitkan buku 'Hari ini untuk hari esok'
1975-1983	Memegang jawatan Pengerusi Lembaga Pengelola, Dewan Bahasa dan Pustaka.
1976-1989	Memegang jawatan Presiden, Persatuan Penyelamat Diraja Cawangan Malaysia
1976	Dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang (L.L.D) oleh University Malaya.
1976	Dilantik sebagai Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia
1977	Dianugerahkan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) yang membawa gelaran Datuk oleh T.Y.T Yang di-Pertua Pulau Pinang
1977-1983	Menyertai Majlis Yayasan Pelajaran MARA
1983-1985	Dilantik dan berkhidmat sebagai Wakil Tetap dan Duta Malaysia ke UNESCO di Paris
1984	Dianugerahkan Ijazah Kehormat Persuratan (D.Litt) oleh Universiti Sains Malaysia.
1 Mei 1989	Dilantik sebagai Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
7 Jun 1989	Dianugerahkan Darjah Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) yang membawa gelaran Tun sempena Hari Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Sept. 1989	Dianugerahkan Fellowship Persatuan Sejarah Malaysia
July 14 2001	Dianugerahkan Ijazah Kehormat Pendidikan. Beliau telah menerima anugerah tersebut daripada Canselor Universiti Putra Malaysia, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Majlis Konvokesyen UPM yang ke-26

Jawatankuasa Kecil Teknikal, Peralatan dan Siaraya

Ketua	: En. Nor Azan Ibrahim
	: Cik Salasiah Zakaria
	: En. Nasir Khan Habib Mohd.
	: Tuan Haji Mohd Shamsuri Jusoh

Jawatankuasa Kecil Logistik

Ketua	: En. Nor Adzam Baba
	: En. Norris Muniandy
	: En. Norazram bin Nordin
	: En. Abd. Rashid Khan Abd. Hameed

Jawatankuasa Kecil Penerbitan

Ketua	: Pn. Nurul Azurah Mohd. Roni
	: Pn. Che Om Md. Nor
	: En. Dzul Hilmi Abu Bakar

Jawatankuasa Kecil Cenderahati dan Gimik

Ketua	: Cik Asma Wati Ibrahim
	: En. Nor Amin Aman Noor Han

Jawatankuasa Kecil Jamuan dan Hiasan

Ketua	: En. Abdul Basher Abdullah
	: Pn. Azizah Seman
	: Pn. Satariah Jamal
	: Pn. Zaharah Amir
	: Pn. Zaiton Amir

Jawatankuasa Majlis Penyerahan

Penasihat	: Pn. Sofiah Hashim
Pengarah	: Pn. Siti Roudhah Mohamad Saad
Pen. Pengarah Setiausaha	: Pn. Nurul Azurah Mohd. Roni
Pen. Setiausaha	: Pn. Sukmawati Muhamad
Bendahari	: Cik Asma Wati Ibrahim

Jawatankuasa Kecil Majlis Penyerahan

Jawatankuasa Kecil Jemputan dan Publisiti

Ketua	: Pn. Husriati Hussain
	: Pn. Zaiton Abdul Halim
	: Pn. Fazlina Rosli

Jawatankuasa Kecil Upacara dan Protokol

Ketua	: En. Mohd Idris Hj. Ali & Cik Radia Banu Jan Mohamad
	: En. Ahmad Faris Hassan
	: En. Abdul Rahim Derani
	: En. Wan Zahari Wan Din
	: En. Mahathir Mokhtar
	: Pn. Shamsuriani Shaari

Jawatankuasa Kecil Pameran

Ketua	: Pn. Yusliza Jusoh
	: En. Amin Razip Hassan
	: En. Hassan Sukit
	: Encik Sharil bin Karim
	: Cik Munirah Hassan

Jawatankuasa Kecil Multimedia

Ketua	: Pn. Siti Roudhah Mohamad Saad
	: En. Omar Yusuf
	: Pn. Faridah Shahiran

Mengulit Fikir Mengorak Tinta



السلام عليكم ورحمة الله وبركته

Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) yang kedua merupakan tokoh terbilang dalam pelbagai bidang, terutamanya bidang pendidikan. Jasa-jasa beliau tetap terpahat dalam tinta sejarah USM. Pada 2 Oktober 2005 nama Perpustakaan Hamdan Tahir telah dilancarkan di Kampus Kesihatan, Kelantan bagi mengabadikan sumbangan beliau kepada USM.

Majlis Penyerahan buku-buku untuk Koleksi Naib Canselor Tun Hamdan Sheikh Tahir merupakan simbolik kepada kesinambungan kepada usaha tersebut. USM merasa amat bertuah kerana keluarga Allahyarham sudi menyerahkan peninggalan yang amat berharga dan tidak ternilai ini, untuk diwarisi dan dimanfaatkan oleh generasi kini dan masa hadapan. Kecintaan Allahyarham terhadap buku dan ilmu wajar diteladani oleh generasi kini. Minat yang begitu mendalam terhadap buku ditunjukkan dengan koleksi besar yang kini menjadi khazanah ilmu yang amat bernilai.

Usaha menubuhkan koleksi seumpama ini oleh Perpustakaan wajar diteruskan. Penubuhan Koleksi Naib Canselor ini merupakan satu titik tolak kepada Perpustakaan Hamzah Sendut untuk memperolehi koleksi Naib Canselor-Naib Canselor yang lain. Penubuhan Koleksi Sasterawan Negara baru-baru ini dan kini diikuti oleh Koleksi Naib Canselor, diyakini dapat memperkayakan lagi khazanah ilmu yang ada. Perpustakaan, sebagai gedung ilmu wajar menjadi tempat rujukan utama para pelajar dan penyelidik.

Tahniah kepada semua yang terlibat dalam mengusahakan penubuhan Koleksi Naib Canselor Tun Hamdan Sheikh Tahir dan menjayakan Majlis ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga Allahyarham yang telah memilih USM sebagai penjaga koleksi ini.

Sekian, terima kasih. والسلام

(PROFESOR DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK)
Naib Canselor
Universiti Sains Malaysia

Semanggar Kata Seharum Rasa



السلام عليكم ورحمة الله وبركته

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana Perpustakaan Hamzah Sendut, telah dipilih untuk menerima koleksi daripada insan terbilang, iaitu Allahyarham Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Hamdan bin Sheikh Tahir, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia yang kedua. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Toh Puan Dato' Seri Utama Hajjah Siti Zainab bt. Haji Baharuddin dan keluarga kerana sudi menyumbangkan koleksi ini kepada Perpustakaan. Bagi menghargai sumbangan yang diberi, Perpustakaan berbesar mengadakan Majlis Penyerahan ini. Diharap Majlis ini akan menjadi kenangan yang abdi kepada Toh Puan sekeluarga.

Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir merupakan seorang tokoh yang terbilang dalam pelbagai bidang, dan yang paling diingati tentunya sumbangan besar beliau dalam bidang pendidikan. Beliau bukan sahaja dikenang sebagai bekas Naib Canselor kedua USM, tetapi juga dikenali umum di peringkat nasional dan antarabangsa sebagai tokoh ilmuan dan pendidik. Perpustakaan merasa amat bertuah sekali menerima koleksi ini yang berjumlah hamper 8, 000 naskhah. Koleksi ini adalah yang pertama diterima daripada seorang Naib Canselor dan akan dinamakan sebagai Koleksi Naib Canselor Tun Hamdan Sheikh Tahir dan ditempatkan di Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan Hamzah Sendut 2.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas kepada semua mereka yang telah terlibat semasa proses pemindahan koleksi dan juga kepada Jawatankuasa Projek Penyerahan Koleksi Naib canselor Tun Hamdan Sheikh Tahir yang telah bertungkus-lumus memastikan Majlis ini dapat diadakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih. والسلام

Puan Sofiah Hashim
Ketua Pustakawan
Perpustakaan Hamzah Sendut

Padamu anak-anak tercinta
Telah ditinggalkan sederetan buku-buku
Carilah di segenap penjuru
Akal bicara maklumat semesta
Sekali tergali
Kau akan temui
Kekuatan diri

Anak-anak tercinta
Bacalah dan bacalah
Sejak isyarat dari kalam pertama
Membebaskanmu dari kelam gelita
Terhampar cahaya yang nyata

Perpustakaan ini adalah gedung ilmu
Hamparan luas lautan saujana
Belayarlah dengan akal bijaksana
Kelak kau sampai ke pelabuhan makna

Carilah pada deretan buku-buku
Suburkan kebun jiwamu
Dengan akal dan wahyu
Bacalah dengan nama Tuhanmu
Yang mengajar dengan pena dan tulisan
Kerana kau adalah penerus perjuangan
di bumi warisan.

Zurinah Hassan
Alumni USM 1974

MENJUNJUNG ANUGERAH (MENGENANG TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR)

Di majlis yang berseri di gedung ilmu ini
Kami mengenang seorang pejuang
Sebuah nama dari sejarah yang gemilang
Dia adalah pendidik terbilang
Dan bapa yang penyayang

Tun Hamdan Sheikh Tahir
Namamu tetap terukir
Sebagai pentadbir dan pentafsir
Yang mengajar kami
Mengutip permata ilmu
Yang mengalir di sungai fikir

Seorang pejuang yang berjasa
Telah pergi meninggalkan nama
Yang terakam di album bangsa
Seikhlas hati setulus budi
Mewariskan buku-buku peribadi
Meninggalkan sejumlah pustaka
Untuk anak-anak tercinta

Di gedung ilmu ini
kami abadikan khazanah
Ini adalah satu anugerah
dan sebuah amanah
untuk menyuburkan kebun akaliah
mencari sinar hidayah

Terima kasih, bapa,
Sesungguhnya pemberian ini
Bukan ringgit ukuran harga
Bukan timbangan emas permata
Nilai dakwat para pendita

Sirih Bertepak Pinang Semarak



السلام عليكم ورحمة الله وبركته

Selaku Ketua Bahagian Malaysiana dan Arkib, saya merasa amat berbangga menerima koleksi Allahyarham Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Hamdan bin Sheikh Tahir. Pengwujudan Koleksi Naib Canselor ini merupakan satu pemangkin kepada warga USM untuk menyumbang koleksi yang dimiliki agar dapat dikongsi bersama-sama.

Melalui koleksi ini, kita akan dapat menggarap idea dan ilmu yang terdapat di dalamnya, hasil pengumpulan oleh seorang pentadbir utama Universiti dan juga Negeri Pulau Pinang. Diharap melalui majlis penyerahan ini kita akan dapat mewar-warkan kewujudan koleksi ini, disamping sebagai satu cara menghargai jasa penyumbang. Tema untuk majlis ini ialah '*Pendidik Bangsa, Pemimpin Berjasa*'.

Sesungguhnya penerimaan koleksi yang mencapai angka 8,000 naskhah ini, sebenarnya memerlukan komitmen yang tinggi di kalangan staf yang terlibat. Penerimaan koleksi ini telah dirancang terlebih dahulu kerana ianya melibatkan pelbagai tahap. Bermula daripada perancangan untuk perpindahan sehinggalah kepada mengkatalog dan melabel. Pengwasapan juga telah dijalankan bagi memastikan koleksi ini tidak mengalami kerosakan berterusan.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua staf yang terlibat dengan perpindahan dan pengwasapan koleksi ini. Sememangnya, kesungguhan yang ditunjukkan ini amat bermakna, khasnya kepada Bahagian Malaysiana dan Arkib dan amnya kepada Perpustakaan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian-Bahagian yang terlibat memproses koleksi ini iaitu Bahagian Bahan-Bahan Bersiri dan Dokumen, Bahagian Perolehan dan Bahagian Proses Teknik. Seterusnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Jawatankuasa Projek Penyerahan Koleksi Naib Canselor Tun Hamdan Sheikh Tahir dan petugas-petugas yang telah berkerja keras memastikan majlis yang bersejarah ini dapat berjalan sebagaimana yang dirancang.

Sekian, terima kasih. والسلام

**Siti Roudhah Mohamad Saad
Pengarah**

Jawatankuasa Projek Penyerahan Koleksi Naib Canselor Tun Hamdan Sheikh Tahir

Sekacip Bahasa Selebar Budi



السلام عليكم ورحمة الله وبركته

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk merakamkan sepatah dua kata dalam buku cenderamata ini sempena Majlis Penyerahan Koleksi Naib Canselor Tun Hamdan Sheikh Tahir yang dianjurkan oleh Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia.

Menimba ilmu pengetahuan dan berdamping dengan buku merupakan minat Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir. Beliau telah mula mengumpul koleksi ini sejak dari bangku sekolah lagi. Semasa masih berkhidmat, beliau tidak berkesempatan untuk membaca kesemua buku-buku beliau. Oleh itu, Allahyarham Tun amat berharap dapat meneruskan minat membaca selepas bersara, namun disebabkan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada beliau setelah bersara, beliau tidak dapat memenuhi hasrat yang terpendam selama ini.

Koleksi buku-buku Allahyarham Tun Hamdan ini merupakan pusaka yang amat berharga kepada keluarga kami, bukan sekadar nilai wang yang dimaklumi tinggi, tetapi nilai sentimen yang terdapat pada koleksi ini. Allahyarham Tun amat menyayangi koleksi ini. Tidak hairanlah di rumah kami, sebuah bilik dijadikan sebagai perpustakaan dan bilik inilah yang pertama dipasang penghawa dingin untuk memastikan buku-buku terjaga.

Koleksi ini yang berjumlah lebih kurang 8,000 naskhah telah pun diserahkan kepada Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia. Harapan kami agar koleksi ini dapat dimanfaatkan oleh para pelajar dan penyelidik dalam menimba ilmu pengetahuan. Kepada pihak Perpustakaan, harapan kami agar koleksi ini dapat dijaga sebaik mungkin bagi memastikan kesinambungan ilmu yang terkandung di dalamnya. Saya yakin usaha menubuhkan Koleksi Naib Canselor Tun Hamdan Sheikh Tahir ini adalah selaras dengan niat suci Allahyarham Tun Hamdan untuk menambah dan menyemarakkan lagi rasa cinta kepada ilmu pengetahuan.

Sekian, terima kasih. والسلام

4 Toh Puan Dato' Seri Utama Hajjah Siti Zainab Binti Haji Baharuddin

Atur cara Majlis

9:00 pagi	Ketibaan tetamu
9:10 pagi	Ketibaan tetamu kehormat
9:20 pagi	Ketibaan Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia dan isteri Ketibaan Tetamu Khas Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajjah Siti Zainab binti Haji Baharuddin dan keluarga
9:30 pagi	Ucapan aluan Ketua Pustakawan Ucapan Naib Canselor, USM Ucapan En. Tahiruddin b. Tun Hamdan Bacaan sajak ' <i>Menjunjung Anugerah</i> ' Persembahan multimedia Gimik penyerahan koleksi Penyampaian cenderahati Bacaan doa
10.45 pagi	Lawatan ke Pameran Koleksi Naib Canselor: Tun Hamdan Sheikh Tahir
11.00 pagi	Jamuan
11.40 pagi	Lawatan ke Pameran Koleksi Cenderahati Tun Hamdan Sheikh Tahir

5